



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**  
**BAHAGIAN HAB HALAL**

---

**PEKELILING PENSIJILAN HALAL MALAYSIA BILANGAN 3 TAHUN 2016**

---

**PELAKSANAAN PINDAAN KADAR FI PENSIJILAN HALAL MALAYSIA**

**TUJUAN**

Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pelaksanaan pindaan kadar fi bagi urusan pensijilan halal Malaysia seperimana keterangan di Lampiran 2, Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Semakan Ketiga) 2014.

**LATARBELAKANG**

2. Kadar fi pensijilan halal Malaysia dikenakan kepada syarikat pemohon Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) tanpa mengambil kira jumlah produk yang dipohon pengesahan halal dalam setiap permohonan. Kadar ini telah digunakan sejak tahun 2003, berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 15 September 2003.
3. Pada Disember 2013, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pindaan semula definisi industri Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2014. Melalui pindaan ini, kategori industri PKS telah dipecahkan daripada dua (2) kategori kepada tiga (3) iaitu Industri Sederhana, Kecil dan Mikro.
4. Rentetan pindaan definisi tersebut, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah melaksanakan penyusunan semula pembahagian kategori industri bagi permohonan pensijilan halal Malaysia kepada empat (4) kategori. Kategori industri dan ciri-ciri baru adalah seperti berikut:

**Jadual 1**

SKIM	KATEGORI	
	Jenis Industri	Ciri-ciri
Produk, Logistik dan Khidmat Pengilangan	Mikro	Nilai perolehan tahunan kurang dari RM 300,000.00
	Kecil	Nilai perolehan tahunan dari RM 300,000.00 hingga kurang dari RM 15 juta
	Sederhana	Nilai perolehan tahunan dari RM15 Juta hingga RM 50 Juta
	Multinasional	Nilai perolehan tahunan melebihi RM 50 Juta

5. Mesyuarat Penasihat Pensijilan Halal Malaysia Bil. 1/ 2014 dan Persidangan Ketua-ketua Jabatan/ Majlis Agama Islam Negeri Kali ke 93 telah bersetuju supaya kadar fi pensijilan halal Malaysia juga distruktur semula selaras dengan perubahan kepada kategori industri.

6. Cadangan pindaan kadar fi pensijilan halal Malaysia ini juga telah mendapat persetujuan dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah bersetuju meluluskan pindaan kadar fi pensijilan halal Malaysia yang baru pada 10 September 2015.

### **PELAKSANAAN**

7. Pindaan kadar fi pensijilan halal Malaysia adalah berdasarkan jadual-jadual di bawah:

**Jadual 2**

SKIM	KATEGORI		Kadar Bayaran Setahun RM
	Jenis Industri	Ciri-ciri	
Produk, logistik dan khidmat pengilangan	Mikro	Nilai perolehan tahunan kurang dari RM 300,000.00	100
	Kecil	Nilai perolehan tahunan dari RM 300,000.00 hingga kurang dari RM 15 Juta	400
	Sederhana	Nilai perolehan tahunan dari RM15 Juta hingga RM 50 Juta	700
	Multinasional	Nilai perolehan tahunan melebihi RM 50 Juta	1000

**Jadual 3**

<b>SKIM PREMIS MAKANAN HOTEL (DAPUR/ RESTORAN)</b>	
<b>Kategori</b>	<b>Kadar bayaran Setahun (RM) - Setiap Dapur</b>
4 Bintang dan Ke Atas	500
3 Bintang dan Ke Bawah	200

**Jadual 4**

<b>SKIM PREMIS MAKANAN (KATERING/ KHIDMAT PENYAJIAN MAKANAN/ DAPUR PUSAT KONVENTSYEN)</b>		
<b>Jenis Industri</b>	<b>Ciri-Ciri</b>	<b>Kadar bayaran Setahun (RM)</b>
Kecil	Nilai perolehan tahunan kurang dari RM 500,000.00	100
Sederhana	Nilai perolehan tahunan dari RM 500,000.00 hingga RM 5 Juta	400
Besar	Nilai perolehan tahunan melebihi RM 5 Juta	700

**Jadual 5**

<b>SKIM</b>	<b>KATEGORI</b>			
	<b>Saiz Premis</b>	<b>Jenis Haiwan</b>	<b>Pengeluaran Harian</b>	<b>Kadar bayaran Setahun (RM)</b>
<b>Rumah Sembelih</b>	Kecil	Ayam	1 - 2,999 ekor	100
		Kambing/ Biri-Biri	1 - 499 ekor	
		Lembu/ Kerbau	1 - 49 ekor	
	Sederhana	Ayam	3,000 -10,000 ekor	400
		Kambing/ Biri-Biri	500 – 700 ekor	
		Lembu/ Kerbau	50 – 100 ekor	
	Besar	Ayam	Melebihi 10,000 ekor	700
		Kambing/ Biri-Biri	Melebihi 700 ekor	
		Lembu/ Kerbau	Melebihi 100 ekor	

## **TARIKH KUAT KUASA**

8. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 Mac 2016** dan semua syarikat/ pemohon pensijilan halal Malaysia perlu mematuhi dan mengambil maklum berkenaan pelaksanaan pekeliling ini.
9. Pekeliling ini diterbitkan berdasarkan Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Fi Perakuan dan Penandaan Halal).

**(DATO' HJ. OTHMAN BIN MUSTAPHA)**

Ketua Pengarah,

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,

14 Februari 2016